

**NO SOALAN : 58**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN**  
**(KELANA JAYA)**  
**TARIKH : 31.3.2015**  
**(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pampasan yang akan dibayar kepada pengendali kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Malaysia dengan penggantungan program tersebut. Berikan justifikasi untuk pampasan yang dibayar.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan telah mengadakan perbincangan dengan penguasaha kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Implikasi penangguhan ini memerlukan tempoh kontrak dilanjutkan dengan mengambil kira perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pengusaha kem PLKN dibayar berdasarkan penggunaan dan perkhidmatan yang disediakan. Keputusan berhubung perkara ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan sedang dalam pertimbangan untuk dimuktamadkan. Justifikasi pembayaran adalah seperti berikut :-**

- a Pampasan berbentuk sewaan kepada Pengusaha Kem PLKN yang meliputi utiliti, sewaan pejabat, penyelenggaraan dan kawalan keselamatan di kem; dan**
- b. Pampasan berbentuk sewaan Pengangkutan Bas dan sewaan Kenderaan Statik yang ditempatkan di setiap kem dan akan digunakan sepanjang tahun**

**untuk aktiviti Briged Sukarelawan Khidmat Negara  
(BSKN) dan staf pengurusan kem PLKN.**